



PERTUBUHAN TORASIK MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

11 Mei 2020

Pemakaian topeng muka di tempat awam sebagai langkah utama pengawalan COVID-19 dalam tempoh Lanjutan PKPB

Di kala Malaysia menuju ke fasa lanjutan perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) bermula pada 13^{hb} Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020, kita akan menyaksikan lebih banyak aktiviti-aktiviti “norma baharu” secara beransuran di kalangan rakyat Malaysia meliputi sektor kurang kritikal. Tempoh ini juga bertindih dengan beberapa sambutan keagamaan dan kebudayaan utama, seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Keamatan dan Hari Gawai, yang pasti akan membawa kepada peningkatan interaksi sosial di antara ahli keluarga dan individu lain dalam masyarakat.

Dalam mendidik masyarakat ketika mereka mengasimilasikan norma baharu secara beransuran, amatlah penting setiap nasihat yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat adalah berpandukan bukti saintifik yang terbaik. Hal ini penting kerana ia bukan sahaja akan membantu kita mengawal jangkitan COVID-19 dengan berkesan malah mencegah kadar jangkitan daripada terus meningkat. Di samping itu, pelaksanaan langkah-langkah yang berpatutan akan mengukuhkan keyakinan di kalangan masyarakat umum. Kami ingin menegaskan bahawa penggunaan topeng muka di tempat awam merupakan kunci utama dalam usaha menangani pandemik COVID-19.

Bagaimana pemakaian topeng muka di tempat awam membantu mengelakkan penyebaran COVID-19?

Bukti saintifik menunjukkan bahawa penggunaan topeng muka di khalayak ramai merupakan satu inisiatif utama kesihatan awam yang berkesan kerana ia dapat menghalang jangkitan secara langsung dari sumber jangkitan. Ini kerana sejumlah besar jangkitan COVID-19 berlaku pada fasa di mana pembawa wabak tidak mempunyai sebarang gejala. Langkah ini adalah setaraf dan sama penting dengan amalan mencuci tangan.

Suite 3B-15-7, Level 15, Block 3B, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5 50470
Kuala Lumpur, Malaysia. E-mel: m.thoracicsociety@gmail.com;
secretariat@mts.org.my Tel: + 603-2859 0289, + 603-2856 4053
Faks: + 603-2856 4195 Laman web: www.mts.org.my



PERTUBUHAN TORASIK MALAYSIA

Impak pendekatan ini dapat diperkukuhkan lagi dengan pemakaian topeng muka secara berleluasa, satu fenomena yang disebut 'Paradoks pencegahan' di mana faedah peribadi kecil akan menjana kebaikan awam yang berlipat ganda apabila topeng muka dipakai oleh semua orang di kawasan umum.

Tambahan pula, amalan ini mudah dipraktikkan pada kos yang rendah. Maka, nasihat ini dapat dititikberatkan dengan mudah kepada masyarakat umum untuk mencapai kebaikan bersama.

Apa jenis topeng muka yang harus dipakai?

Topeng muka gred perubatan yang digunapakai oleh pekerja kesihatan adalah direka untuk penggunaan di hospital atau klinik yang berurusan dengan pesakit COVID-19 dan ia harus tetap digunapakai oleh pekerja di barisan hadapan.

Masyarakat umum boleh menggunakan sebarang topeng yang diperolehi dari kedai atau farmasi mahupun topeng buatan sendiri, kerana ia sudah cukup untuk tujuan kawalan sumber asalkan ia digunakan dengan betul.

Pemakaian topeng muka seharusnya merupakan sebahagian daripada strategi komprehensif PKPB

Tanggapan bahawa pemakaian topeng muka menjadikan seseorang itu berasa selamat dan akan lalai dengan langkah-langkah pencegahan yang lain adalah salah dan tidak berasas. Namun demikian, orang ramai harus selalu diingatkan bahawa langkah-langkah lain seperti penjarakan sosial dan pencucian tangan adalah sama penting untuk mencegah penularan semula kes COVID-19. Pemakaian topeng muka harus dianggap sebagai satu langkah bersepadu dalam strategi PKPB yang komprehensif.

Bukti kejayaan dari negara lain yang telah menerapkan strategi ini sebagai pendekatan kelonggaran kawalan, seharusnya meyakinkan kita semua bahawa ini adalah cara yang betul dan efektif untuk kita maju ke hadapan.

Suite 3B-15-7, Level 15, Block 3B, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5 50470
Kuala Lumpur, Malaysia. E-mel: m.thoracicsociety@gmail.com;
secretariat@mts.org.my Tel: + 603-2859 0289, + 603-2856 4053
Faks: + 603-2856 4195 Laman web: www.mts.org.my



PERTUBUHAN TORASIK MALAYSIA

Oleh itu, Pertubuhan Torasik Malaysia ingin menekankan kepada penggubal dasar dan orang ramai bahawa memakai topeng muka di tempat umum adalah kunci dalam pengawalan pandemik COVID-19.

Ditandatangani bersama oleh,

Presiden dan Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Torasik Malaysia

Prof Madya Dr Pang Yong Kek (Presiden)

Prof Madya Dr Ahmad Izuanuddin Ismail

Dr Hooi Lai Ngoh

Dr Jessie Anne de Bruyne

Dr Lalitha Pereirasamy

Dr Asiah Kassim

Dr Fauzi Mohd Anshar

Dr Tan Jiunn Liang

Dr Nurhayati Mohd Marzuki

Dr Su Siew Choo

Prof Dr Roslina Abdul Manap

Pertubuhan Torasik Malaysia adalah badan perubatan profesional yang mewakili pakar-pakar perubatan Respiratori dengan objektif untuk memajukan pengetahuan dan amalan perubatan Respiratori di Malaysia.

Suite 3B-15-7, Level 15, Block 3B, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5 50470
Kuala Lumpur, Malaysia. E-mel: m.thoracicsociety@gmail.com;
secretariat@mts.org.my Tel: + 603-2859 0289, + 603-2856 4053
Faks: + 603-2856 4195 Laman web: www.mts.org.my